

## BROSUR KURSUS

### ORGANISASI YANG BERMINAT SILA HUBUNGI

Maimunah Osman  
Tel: 019-3139126

mai@menara.com.my

### KURSUS / BENGKEL LAIN YANG DITAWARKAN

- Bengkel Kemahiran Berfikir
- Bengkel Kemahiran Berfikir: Pemikiran Kreatif
- Bengkel Berfikir Di Luar Kotak
- Bengkel Mengubah Mind-Set (Anjakan Paradigma)
- Bengkel Membuka Minda
- Kursus Penyelesaian Masalah dan Membuat Keputusan
- Kursus-kursus Edward de Bono
  - Six Thinking Hats
  - Lateral Thinking
  - Direct Attention Thinking Tools
- Kursus Kepimpinan dan Pengurusan Organisasi
- Kursus Kepimpinan dan Pengurusan: Organisasi Pembelajaran
- Bengkel Komunikasi Interpersonal
- Bengkel Komunikasi Interpersonal: Keupayaan Asertif
- Bengkel Pengucapan Awam (supaya orang mendengar)
- Bengkel *Positive Mental Attitude*
- Bengkel Pengurusan Masa (Mencapai Matlamat)

## Kembali Kepada Asas Ilmu dan Berfikir



KNOWLEDGE & THINKING  
BACK TO BASICS

Menara Technology & Training (SA0001037-P)

# KURSUS PENYELESAIAN MASALAH DAN MEMBUAT KEPUTUSAN

## PENYELESAIAN MASALAH DAN MEMBUAT KEPUTUSAN

Kehidupan dan pengurusan memerlukan individu sentiasa menyelesaikan masalah dan membuat keputusan. Keupayaan ini amnya adalah keupayaan semulajadi manusia. Namun persoalan yang kritikal di sini ialah adakah cara kita menyelesaikan masalah dan membuat keputusan berkesan?

Adakah kita benar-benar menyelesaikan masalah sebenar atau hanya simptom dari masalah?

Adakah masalah yang sedang kita tangani sebenarnya prioriti berbanding dengan masalah-masalah lain yang ada?

Adakah cadangan penyelesaian yang diputuskan, dibuat tanpa melihat masalah-masalah lain yang ada hubungkaitnya?

Persoalan-persoalan di atas adalah antara persoalan kritikal yang perlu kita fikirkan apabila menangani isu-isu di sekeliling kita, terutama dalam keadaan sekarang yang dinamik dan global.

Tuntutan kepada keupayaan persaingan dan sustainabiliti, memerlukan tindakan yang strategik dan fokus. Masalah dan isu perlu diselesaikan sebaik-baiknya dengan cepat, dan dengan mengambil keputusan yang efektif. Keupayaan ini perlu ada sebagai satu kemahiran pada setiap warga organisasi, apatah lagi pemimpin dan pengurus sesebuah organisasi. Ia boleh dipelajari, dipupuk dan dipertingkatkan lagi.

## TARIKH DAN TEMPOH KURSUS

3 hari dan tarikh ditetapkan oleh organisasi.

## TEMPAT KURSUS

Kuala Lumpur atau pilihan organisasi.

## OBJEKTIF KURSUS

- Memahami cara memberi definisi masalah secara khusus;
- Memahami cara memberi objektif khusus;
- Memahami caramana menilai keputusan dan idea; dan
- Memahami cara memperbaiki cadangan dan idea.

## MATLAMAT KURSUS

Membantu anda:

- Memupuk keupayaan sistemik semasa menyelesaikan masalah
- Memupuk keupayaan menyediakan idea dan cadangan yang lebih bersepadu.

## KUMPULAN SASARAN

- Kumpulan Pengurusan dan Profesional: dan
- Pegawai dalam Kumpulan lain.

## KOS KURSUS

Kos boleh dibincangkan.

## FASILITATOR UTAMA

Maimunah Osman, instruktur bertauliah teknik-teknik Edward de Bono: Six Thinking Hats, Lateral Thinking, dan Direct Attention

Thinking Tools; dan Ujian psikologi Myers Briggs Type Indicators (MBTI).

Fasilitator memiliki kelulusan MPA (UM) (Masters of Public Administration), Diploma Pengurusan Awam (INTAN-Pos-Ijazah), dan BA Hons (UM) (Bachelor of Arts (Geografi) 2nd Class Upper). Beliau telah menghasilkan penulisan 5 buah buku (terbitan INTAN) iaitu Pengucapan Awam (2000), Komunikasi dan Perhubungan Interpersonal (2000), Perangkap Masa (2000), Pengurus Dalam Pelbagai Peranan (2002), dan Kemahiran Berfikir (2004).

